

TEKS UCAPAN

**YB TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**MAJLIS MALAM PERKHIDMATAN AWAM
“KASIH TERPAHAT MENJUNJUNG DAULAT”**

**SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN
KEPUTERAAN KE-76 DULI YANG MAHA
MULIA TUANKU RAJA PERLIS**

DI

DEWAN 2020, KANGAR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Perlis “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Mengadap,

***DULI YANG MAHA MULIA ~~TUANKU RAJA PERLIS,~~
TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI ALMARHUM TUANKU SYED
PUTRA JAMALULLAIL***

Mengadap,

***DULI YANG MAHA MULIA ~~TUANKU RAJA PEREMPUAN PERLIS,~~
TUANKU TENGGU FAUZIAH BINTI ALMARHUM TENGGU ABDUL
RASHID***

Mengadap,

***DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERLIS,
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED
SIRAJUDDIN JAMALULLAIL***

Dan Mengadap,

***DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN MUDA PERLIS,
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL***

Ampun Tuanku

Terlebih dahulu, Patik bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis dan seluruh rakyat Negeri Perlis berterima kasih dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah, menjunjung

setinggi – tinggi kasih atas limpah perkenan keberangkatan Duli-Duli Tuanku berangkat ke majlis pada malam ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli – Duli Tuanku semestinya akan menambah serikan menyerikan lagi majlis pada malam ini. Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli – Duli Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada tetamu yang hadir pada malam ini.

Ampun Tuanku

***YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI AZLAN MAN
MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI***

***YANG BERHORMAT DATO' HAJI HAMDAN BIN BAHARI
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS DAN YANG
BERBAHAGIA DATIN***

***YANG BERHORMAT ~~TUAN~~ DATO' ABU BAKAR BIN KATAR
~~PESURUHJAYA KEHAKIMAN NEGERI PERLIS~~ HAKIM
MAHKAMAH TINGGI MALAYA KANGAR DAN YANG
BERBAHAGIA DATIN***

***~~YANG BERHORMAT TUAN WAN JEFFRY BIN KASSIM
PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS~~***

***~~YANG BERHORMAT TUAN NASARUDDIN BIN ABDUL
MUTTALIB
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS~~***

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

DATO' – DATO', DATIN - DATIN

**~~KETUA-KETUA BAHAGIAN/UNIT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS~~**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN SEKALIAN.

~~Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik
mohon diampun.~~

~~Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis
Maju~~

~~1. Patik bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat Negeri
Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak
terhingga di atas perkenan Duli Duli Tuanku bercemar duli
berangkat ke Majlis Malam Perkhidmatan Awam Tahun
2019 Peringkat Negeri Perlis ini.~~

2. Alhamdulillah, segala puji-pujian ke hadrat Allah
Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan izin dan limpah
kurnia-Nya jua, Negeri Perlis di bawah naungan Duli Yang
Maha Mulia Tuanku meraikan Sambutan Ulang Tahun

Keputeraan ke-76 Duli Yang Maha Mulia Tuanku **Raja Perlis**. ~~Patik~~ **Saya** mewakili seluruh warga Perkhidmatan Awam di Negeri Perlis mendoakan semoga Allah melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Hadirin sekalian,

3. Penjawat awam memainkan peranan penting sebagai agen reformasi barisan paling hadapan yang menentukan kejayaan setiap dasar kerajaan untuk kepentingan rakyatnya. Umpama tiang seri yang menjadi tonggak utama sebuah rumah, penjawat awam harus produktif dan berintegriti dalam mengeluarkan produktiviti yang tinggi agar rumah terus teguh dan kukuh untuk rakyat terus berlindung di dalamnya. Untuk menjadi tiang seri, penjawat awam harus keluar dari zon selesa dan meninggalkan segala tingkah laku yang membawa imej negatif yang masih dilabelkan kepada kita sehingga kini.

MEMENUHI KEPERLUAN RAKYAT

4. Sikap "hanya bekerja makan gaji" harus dibuang jauh daripada sentimen penjawat awam terutama ketika berhadapan kehendak dan harapan rakyat yang semakin tinggi pada masa kini. Amalan kerja yang cekap, cepat serta

berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab seharusnya menjadi imej yang sinonim dengan Perkhidmatan Awam khususnya di Negeri Perlis. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi perkhidmatan awam dan seterusnya dapat mengikis imej-imej negatif yang terpalit kepada Perkhidmatan Awam.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Kegagalan sistem penyampaian di dalam perkhidmatan awam, mencerminkan kegagalan penjawat awam itu sendiri kerana tidak berjaya membawa agenda dan aspirasi kerajaan. Ini membawa imej yang buruk yang menunjukkan kegagalan kerajaan untuk berfungsi dengan baik. Inilah yang sepatutnya difahami oleh setiap penjawat awam bukannya sekadar kerja kerana makan gaji atau perkhidmatan kita terhenti setelah tamatnya waktu pejabat.

TINGKATKAN KEPERLUAN PENJAWAT AWAM

6. Tatkala sektor awam sering menerima tempelak daripada sikap negatif oleh sekumpulan kecil kakitangan awam, namun majoriti kakitangan awam terdiri daripada mereka yang rajin, bertanggungjawab dan komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Oleh itu, bagi

memastikan tiang seri berkeadaan baik, kebajikan adalah perkara utama yang harus diberi perhatian. Apabila hal kebajikan diambil berat maka ini merupakan motivasi atau tonik yang akan memastikan penjawat awam dapat terus memberikan khidmat terbaik kepada rakyat. Oleh itu, majlis seumpama ini juga sebahagian usaha kerajaan menghargai jasa bakti penjawat awam yang berkorban masa tenaga untuk kepentingan perkhidmatan kepada rakyat dan Negeri Perlis ini.

~~**Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.**~~

INTEGRITI DALAM TUGAS

7. Adalah penting untuk diketahui bahawa hanya segelintir kecil sahaja penjawat awam dalam negara ini yang kurang mengamalkan budaya integriti seperti yang telah ditetapkan. Kebanyakan penjawat awam masih teguh mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua lapisan masyarakat dengan

sedaya upaya mereka. Mereka adalah sebenarnya wira yang tidak didendang.

8. Integriti secara umumnya adalah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan, berasimilasi dalam diri individu dan dipupuk dalam budaya sesebuah organisasi. Isu integriti berkait rapat dengan isu etika dan nilai-nilai murni yang mencerminkan imej diri seseorang dan sesebuah organisasi keseluruhannya.

9. Integriti penjawat awam pula merujuk kepada apabila seseorang itu menjawat sebarang jawatan yang diamanahkan dalam perkhidmatan kerajaan, individu terbabit perlulah bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Seharusnya kita selaku penjawat awam tidak melupai “**Aku Janji**” kita dalam perkhidmatan seperti tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi serta tidak boleh cuai, malas berusaha berkelakuan tidak jujur dan tidak amanah dalam melaksanakan tugas.

PRINSIP TAAT SETIA KEPADA RAJA

Hadirin sekalian,

10. Rukun Negara yang mengandungi lima prinsip merupakan antara resepi kejayaan negara dalam menyatupadukan rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini. Melihat kepada prinsip Rukun Negara kedua iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” yang membawa maksud setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada raja dan negara kerana Raja adalah lambang perpaduan negara serta bagi memastikan keharmonian budaya dan adat resam serta agama agar berterusan dari zaman berzaman. Ini juga termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Persekutuan mahupun bagi Negeri Perlis yang mana seorang penjawat awam perlu setiap masa memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang Dipertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Negara, Negeri dan Kerajaan.

11. Semoga kita semua dapat menyemarakkan semangat kesetiaan dan daya usaha yang tinggi bagi memastikan Negeri Perlis, di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia

Tuanku Raja Perlis, akan senantiasa maju dan rakyatnya hidup dalam keadaan sejahtera dan harmoni yang berpanjangan.

~~Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.~~

Ampun Tuanku,

12. Patik pohon dengan segala kerendahan diri patik merafak sembah menyusun sepuluh jari, mengatur tutur kata dan jika ia tiada tertib, patik pohonkan keampunan. Patik akhiri dengan 2 rangkap pantun...

Pokok Pauh Tepi Permatang
Pokok Pandan Di Birai Perigi
Dari Jauh hamba nan datang
Mendengar Tuan yang Baik Budi

Pucuk Manis Pucuk Langgudi
Daun Purut Digetus Rusa
Yang Manis Bernama Budi
Yang Indah itu Bahasa

13. Ampun Tuanku,

Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik. Patik sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi – tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat ke Majlis Malam Perkhidmatan Awam “Kasih Terpahat Menjunjung Daulat” pada malam ini. Kerajaan Negeri Perlis.

Semoga Duli-Duli Tuanku Yang Maha Mulia Tuanku terus kekal bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Perlis dengan dilindungi oleh Allah SWT jua.

~~14.~~

~~Ampun Tuanku, Sembah Patik mohon diampun Patik menjunjung kasih Tuanku.~~

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku

Ampun Tuanku

